

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) status pemansuhan Akta Berita Palsu; dan
- (b) nasihatkan mengenai status perlembagaan keupayaan Dewan Negara untuk menyekat pemansuhan tersebut.

JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan mengenai pemansuhan Akta 803 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 3 Ogos 2018 melalui Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018. RUU tersebut telah dibentangkan di Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-14 yang lalu di mana Bacaan Pertama RUU tersebut telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2018. Manakala, Bacaan Kedua dan Ketiga RUU 2018 pula telah dilaksanakan pada 16 Ogos 2018 dan seterusnya RUU tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada tarikh yang sama.

2. RUU tersebut kemudiannya telah dibentangkan di Dewan Negara pada 27 Ogos 2018 dan 12 September 2018. Walau bagaimanapun, RUU tersebut tidak mendapat sokongan di Dewan Negara yang dibuat melalui undi belah bahagian menurut Peraturan Mesyuarat 45(4) Peraturan - Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, yang keputusannya adalah seramai 21 orang menyokong manakala 28 orang tidak menyokong dan 3 orang tidak mengundi.

3. Susulan penolakan RUU di Dewan Negara, Fasal 2 Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 tersebut hanya boleh dibentangkan untuk dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas 16 Ogos 2019 iaitu setahun daripada tarikh RUU tersebut diluluskan oleh Dewan Rakyat pada tahun 2018.

4. Oleh yang demikian, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ke-14 dengan Bacaan Pertama Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 ("RUU 2019").

5. Dalam hal ini, sekiranya RUU 2019 masih tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat, maka RUU 2019 itu hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat, dikemukakan untuk diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.